

11 JUN 2001

Mahathir-budaya

TIADA SEBAB TERIMA PENGLOMBALAN BUDAYA, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 11 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata tiada sebab bagi umat Islam untuk menerima penglobalan budaya dan mempunyai satu set budaya dan nilai.

Beliau berkata globalisasi bukan hanya tentang kekayaan, perdagangan dan perniagaan tetapi juga budaya.

Bagaimanapun, beliau berkata globalisasi adalah idea dari Barat dan budaya yang dipromosikan adalah budaya Barat.

"Saya tidak lihat kita perlu menerima penglobalan budaya. Budaya adalah yang membezakan antara kita. Tuhan mencipta kita dalam pelbagai bangsa dan kumpulan etnik, mengapa perlu kita memiawaikannya?" katanya kepada peserta seminar antarabangsa berkaitan "Kesan Globalisasi terhadap Dunia Islam: Isu dan Cabaran di abad ke-21," di sini.

Kira-kira 140 peserta dari Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) menghadiri seminar tiga hari itu yang dianjurkan oleh Kementerian Luar dan Institut Diplomasi dan Hubungan Luar (IDFR), di Jabatan Perdana Menteri.

Menjawab soalan daripada pemberita, Dr Mahathir berkata di Barat, institusi perkahwinan dan kekeluargaan tidak lagi dihormati dan seseorang yang ingin tinggal dengan seseorang lain boleh berbuat demikian jikalau dia mahu.

Ini katanya, akan memusnahkan struktur masyarakat.

Dr Mahathir berkata budayalah yang membezakan individu dari individu yang lain dari bangsa yang sama dan kepercayaan, yang mengamalkan budaya yang berbeza.

Beliau berkata jika budaya dimusnahkan, dunia akan menjadi tempat yang membosankan kerana setiap orang mempunyai satu set budaya sahaja.

Dr Mahathir berkata adalah penting bagi umat Islam sedar berkaitan cubaan untuk memaksa dunia mempunyai satu budaya sahaja.

"Saya fikir adalah sangat penting bagi kita memahami terdapatnya cubaan sekarang untuk memaksa dunia mempunyai hanya satu budaya dan satu set nilai, dan menghalang yang lain daripada diamalkan, bagaimanapun mereka mengamalkan demokrasi. Apa maknanya demokrasi jika anda hanya diberi hanya satu pilihan?," katanya.

Terdahulu, dalam uaptamanya, beliau berkata terdapat pemusnahan moral dalam dunia kebendaan.

Beliau berkata hari ini homoseksual digalakkan dan kadangkala hubungan keji antara adik beradik, ibu bapa dan kanak-kanak dibenarkan.

Nampaknya dengan nama hak asasi manusia, semuanya dibenarkan dan tiada apa pun yang dilarang, katanya.

"Institusi perkahwinan dan kekeluargaan tidak lagi dihormati. Ia dianggap tidak lagi perlu.

"Keluarga didefinisikan sebagai dua atau lebih orang hidup bersama tanpa upacara perkahwinan atau pendaftaran, memperolehi dan membesarkan anak-anak, yang mana ibu bapa sebenar tidak dapat dipastikan," katanya.

-- BERNAMA

HS ZS JK RI